

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR TAHFIZ WAL QIRAAT

(Teaching and learning Arabic Language among Tahfiz Wal Qiraat students)

Ku Fatahiyah Binti Ku Azizan, Hanis Najwa Binti Shaharuddin, Farah Nur-Rashida Binti Rosnan, Wazzainab Ismail

ABSTRAK

Program Tahfiz wal Qiraat merupakan antara bidang pengajian yang ditawarkan oleh kebanyakan Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia. Pelajar-pelajar Tahfiz wal Qiraat wajib menghafal ayat-ayat al-Quran sebagai syarat graduasi. Program ini turut mensyaratkan kepada pelajar-pelajar untuk mengambil kursus wajib bahasa Arab iaitu kursus yang menekankan aspek kemahiran asas berbahasa; kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar Tahfiz wal Qiraat terhadap pembelajaran Bahasa Arab serta tahap proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik pelajar. Teknik persampelan rawak digunakan dengan melibatkan seramai 279 orang responden pelajar TAHfiz al Qiraat di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Darul Quran (DQ) Jakim. Hasil kajian menunjukkan persepsi pelajar tahfiz terhadap pembelajaran Bahasa Arab adalah sederhana dengan nilai min keseluruhan= 2.56 dengan sisihan piawai= 0.335. Sementara tahap proses pembelajaran dan pengajaran pelajar berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 3.05 dengan sisihan piawai = 0.418. Justeru dapatan kajian ini mencadangkan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz perlu diperhalusi. Teknik penggabung jalinan dalam pengajaran dengan mengaitkan ayat-ayat al-quran dalam pengajaran Bahasa Arab perlu dititikberatkan oleh guru Bahasa Arab yang mengajar pelajar tahfiz wal Qiraat.

Kata Kunci : Persepsi, Proses, pembelajaran dan pengajaran, pelajar tahfiz

ABSTRACT

The Tahfiz wal Qiraat program is one of the areas of study offered by most Islamic Institute of Islamic Studies in Malaysia. Tahfiz wal Qiraat students must memorize the verses of the Qur'an as a condition of graduation. This program also requires students to take compulsory Arabic courses which emphasize the basic aspects of language skills; listening, reading, writing and speaking skills. Therefore, this study aims to identify Tahfiz wal Qiraat's students' perceptions on Arabic learning as well as the level of Arabic language learning and teaching process. This study is a quantitative study using student questionnaire instrument. The random sampling technique was used by involving 279 TAHfiz al Qiraat students in Selangor International Islamic University College (KUIS) and Darul Quran (DQ) Jakim. The results show that the perception of tahfiz students towards Arabic learning is simple with the overall mean value = 2.56 with standard deviation = 0.335. While the level of learning and teaching process of students is at a high level with mean value = 3.05 with standard deviation = 0.418. Hence, the findings suggest that Arabic language teaching and learning techniques among the Tahfiz students are refined. The interconnection technique in teaching by linking the verses of the

Qur'an in Arabic teaching should be emphasized by Arabic teachers who teach the Tahfiz wal Qiraat students.

PENGENALAN

Al-Quran dan bahasa Arab adalah dua perkara yang berkait rapat iaitu seumpama dua sisi mata wang yang tidak dapat dipisah-pisahkan antara satu dengan yang lainnya. Al-Quran yang ada sekarang ini masih asli dan murni seiring dengan apa yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW kepada para sahabatnya. Hal itu karena Allah yang memeliharanya. Penjagaan Allah kepada al-Quran bukan bererti Allah menjaga secara langsung fasa-fasa penulisan al-Quran, tapi Allah melibatkan para hambaNya untuk turut memeliharanya. Penjagaan tersebut dalam bentuk menghafal ayat-ayatnya yang dilakukan oleh manusia yang disebut sebagai *Hafizh Al-Qur* (Noza Aflisia, 2016).

Pendidikan bahasa Arab juga turut berkembang kerana ia merupakan bahasa kedua yang perlu dipelajari oleh rakyat Malaysia. Antara tujuan mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami isi kandungan al-Quran, mendalami ajaran agama Islam dan memahami istilah-istilah Arab yang digunakan di dalam pelbagai bidang ilmu. Dengan adanya pelbagai jenis pendekatan dan kaedah ini, ia boleh membantu para pelajar menguasai bahasa Arab (Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin, 2012; Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah, 2014; M. Ilham Muchtar, 2015). Bahasa Arab telah menjadi salah satu mata pelajaran di semua peringkat pendidikan termasuk di peringkat pengajian tinggi, samada sebagai subjek elektif universiti atau subjek wajib di beberapa fakulti. Bahkan pelajar Tahfiz wal Qiraat di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia disyaratkan untuk mengambil kursus wajib bahasa Arab dalam struktur pengajian. Kajian berkaitan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tahfiz wal Qiraat di Malaysia kurang dijalankan. Namun kajian ini banyak dijalankan di negara Indonesia bagi mengkaji korelasi antara hafazan al-Quran dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Kajian yang dilakukan oleh calon Sarjana di Indonesia Husna Rosidah, 2015, membuktikan bahawa terdapat pengaruh positif antara hafalan al-Quran dan prestasi pembelajaran bahasa Arab. Menurut Moh. Maksyufun Nuha, 2015, mempelajari bahasa Arab adalah syarat wajib untuk menguasai isi Al-Quran dan mempelajari bahasa Al-Quran bererti mempelajari bahasa Arab. Mereka yang fasih membaca al-Quran akan mudah untuk membaca teks-teks Arab dengan lancar. Dengan demikian penguasaan pelajaran bahasa Arab dengan kemampuan membaca Al-Quran merupakan satu kesepaduan dalam pelajaran pendidikan.

Beberapa kajian di peringkat sarjana juga telah dijalankan demi menguji kolerasi di antara penguasaan bahasa Arab dan kaitannya dengan penguasaan al-Quran. Kajian yang telah dijalankan oleh seorang pelajar sarjana Indonesia ke atas siswa MI Matholiunnajah Sinanggal Mlonggo Jepara sesi 2014-2015, bertujuan untuk meneliti seberapa kuat hubungan penguasaan bahasa Arab terhadap kemampuan membaca al-Quran dan signifikan hubungan penguasaan pelajaran bahasa Arab terhadap kemampuan membaca Al-Qur'an siswa. Ternyata, terdapat pengaruh yang sangat signifikan di antara penguasaan pelajaran bahasa Arab terhadap kemampuan membaca al-Quran. Ini bermakna, tinggi rendahnya penguasaan pelajaran bahasa Arab siswa ada hubungan erat dengan kemampuan siswa dalam membaca kitab suci Al-Quran. Muslikhatun 2016, dalam tesis sarjana beliau turut menegaskan bahawa konsentrasi pelajar dalam menghafal al-Quran mempunyai pengaruh yang positif terhadap prestasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

Hasil kajian sarjana yang dilakukan oleh Siti Sofiah, 2013, yang telah dijalankan di Pondok Pesantren Tahaffudzul Quran Purwoyoso Ngaliyan Semarang, menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara penguasaan *mufradat* dengan kemampuan menghafal al-Quran. Oleh karena itu, semakin tinggi penguasaan *mufradat* mahasiswa, semakin tinggi pula

kemampuan membaca al-Quran mereka, sebaliknya semakin rendah penguasaan *mufradat* pelajar, semakin rendah pula kemampuan membaca al-Quran mereka.

Justerum untuk menguasai pembelajaran bahasa Arab, pelbagai proses pembelajaran perlu dijalankan dengan sebaiknya. Untuk mencapai penguasaan yang tinggi, strategi yang dipilih mestilah bersesuaian dan tenaga pengajar dapat memainkan peranan dalam membuat pelbagai aktiviti pengajaran supaya dapat menarik pelajar untuk mempelajari bahasa Arab serta menguasainya. Oleh itu, kajian ini ingin membuat penilaian proses pembelajaran khusus kepada pelajar tahfiz dalam mempelajari bahasa Arab disebabkan pendekatan penghafazan Al-Quran merupakan satu pendekatan yang baik untuk menguasai bahasa Arab (Mohd Zulkifli Bin Muda, Harun Bin Baharudin, Siti Fatimah Salleh, 2015).

PERNYATAAN MASALAH

Walaupun kajian-kajian telah membuktikan bahawa terdapat hubungan yang kuat dan positif antara orang yang menghafal al-Quran dan prestasi pembelajaran bahasa Arab pelajar, namun kemampuan pelajar-pelajar tahfiz dalam menggunakan mufradat serta uslub dari al-Quran yang dihafaz dalam kemahiran berbahasa Arab berada di tahap yang kurang memuaskan. Prestasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor masih sederhana.

Menurut Mahyuddin Ashaari, 2001, kebanyakan kurikulum tahfiz di Malaysia hanya mengutamakan aspek kemahiran membaca, menghafaz, mengenal hukum-hukum bacaan dan lagu atau *tarannum*. Namun, aspek kefahaman dan penjaanaan berfikir dengan ayat-ayat yang dipelajari tidak dipentingkan. Aspek kefahaman inilah sudah tentu berkait rapat dengan penguasaan bahasa Arab. Pelajar tahfiz sepatutnya perlu mengetahui kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Matlamat dan objektif pendidikan tahfiz tidak akan tercapai sekiranya kaedah kefahaman ayat tidak diberi perhatian yang sewajarnya (Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh, 2014).

Kebanyakan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar tahfiz kurang berusaha dalam mencari makna kalimah dan maksud ayat. Ini kerana pensyarah-pensyarah tasmik kurang memberikan penekanan terhadap makna kalimah dan maksud ayat yang dihafaz. Kaedah kefahaman ayat kurang diberi perhatian sama ada pelajar mahupun guru. (Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri, 2012, Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali, 2013, Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh, 2014)

Sementara itu, kajian berkaitan proses pembelajaran sudah banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Proses pembelajaran yang dimaksudkan ialah strategi P&P, teknik mengajar, aktiviti pembelajaran dan bahan bantu mengajar. Namun, proses pembelajaran khususnya pada golongan tahfiz masih kurang dijalankan. Ini kerana, hanya terdapat beberapa institut pengajian tinggi yang menawarkan kos Qiraat dan Tahfiz. Bagi pelajar yang mengambil kos ini perlu mengambil subjek bahasa Arab sebagai subjek wajib di universiti. Hasil kajian kemahiran bahasa Arab dan nahu sorof dalam kalangan pelajar tahfiz masih berada pada tahap sederhana (Adnan Mat Ali & Muhammad Firdaus Abdul Manaf; Ku Fatahiyah et al. 2017).

Selain itu, pelajar tahfiz juga tidak mampu dalam menggunakan mufradat serta uslub daripada Al-Quran yang dihafaz untuk diterjemahkan dalam bahasa Arab (Ku Fatahiyah et al. 2017). Oleh itu, satu penilaian perlu dijalankan iaitu adakah terdapat kelemahan dalam proses P&P bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti:

- i. Persepsi pelajar Tahfiz wal Qiraat terhadap pembelajaran bahasa Arab.
- ii. Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tahfiz wal Qiraat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik dalam pengumpulan data. Skala Likert 4 tahap digunakan dalam soal selidik ini. Populasi pelajar tahfiz untuk dua institusi ini dianggarkan sebanyak 500 orang. Oleh itu, sampel kajian terdiri daripada 279 orang, iaitu bilangan yang sesuai dan mencukupi untuk tujuan digeneralisasikan kepada populasi di DQ dan KUIS (Krejeceie & Morgan, 1970). Teknik persampelan rawak digunakan dalam mengedarkan soal selidik. Selepas data diperolehi, satu ujian deskriptif dilakukan bagi melihat min motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian ini juga membahagikan min kepada tiga tahap, iaitu seperti di dalam Jadual 1

Jadual 1: Kategori tahap penilaian min skala likert 4

Julat Min	Tahap Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

Sumber : Abdull Sukor (2008)

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan seramai 279 responden dengan demografi seperti jantina, umur, tahap pendidikan, institusi, semester pengajian dan juzuk yang telah dihafaz.

Jadual 2: Profil demografi kajian

Demografi	Kekerapan	Peratusan
<i>Jantina</i>		
Lelaki	146	52.3%
Perempuan	133	47.7%
<i>Umur</i>		
18-22 Tahun	262	93.9%
23-27 Tahun	14	5.0%
28-32 Tahun	2	0.7%
Lain-lain	1	0.4%
<i>Tahap Pendidikan</i>		
Ijazah	114	40.9%
Diploma	165	59.1%
<i>Institusi</i>		
KUIS	147	52.7%
DQ	132	47.3%
<i>Semester Pengajian</i>		
Semester 1	6	2.2%
Semester 2	240	86.0%
Semester 3	33	11.8%
Semester 4	0	0%

<i>Juzuk yang telah dihafaz</i>		
0-10	162	58.1%
11-20	48	17.1%
21-30	69	24.7%

Jadual 2 menunjukkan berdasarkan jantina pelajar, seramai 146 orang (52.3%) pelajar lelaki dan seramai 133 orang (47.7%) pelajar perempuan. Berdasarkan umur, seramai 262 orang (93.9%) berumur antara 18 – 22 tahun. Seramai 14 orang (5.0%) berumur antara 23 – 27 tahun, seramai 2 orang (0.7%) berumur antara 28 – 32 tahun dan seramai 1 orang (0.4%) berumur 33 tahun dan ke atas. Berdasarkan tahap pendidikan, seramai 114 orang (40.9%) merupakan pelajar ijazah dan seramai 195 orang (59.1%) merupakan pelajar diploma. Bagi institusi pula, seramai 147 orang (52.7%) belajar di KUIS dan seramai 132 orang (47.3%) belajar di DQ. Bagi semester pengajian, seramai 6 orang (2.2%) masih berada pada semester 1, seramai 240 orang (86.0%) berada di semester 2, seramai 33 orang (11.8%) berada pada semester 3. Untuk juzuk yang telah dihafaz, seramai 162 orang (58.1%) menghafaz di antara 0-10 juzuk, seramai 48 orang (17.1%) menghafaz di antara 11 -20 juzuk dan seramai 69 orang (24.7%) menghafaz di antara 21-30 juzuk.

Analisis Deskriptif

Bagi mentafsir data yang telah dikumpul, analisis deskriptif telah digunakan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab dan tahap proses pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab. Hasil analisis deskriptif ini dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mengandungi nilai min dan sisihan piawai. Jadual 3.0 adalah persepsi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab secara holistic.

Jadual 3: Skor Min dan Sisihan Piawai Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab

NO	ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI	INTERPRE TASI
1	Bahasa Arab merupakan subjek yang mudah difahami.	2.69	.739	Sederhana
2	Saya berasa seronok mempelajari bahasa Arab.	3.31	.651	Tinggi
3	Saya mudah putus asa dalam pembelajaran bahasa Arab	2.11	.856	Sederhana
4	Saya belajar bahasa Arab sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja	1.75	.784	Rendah
5	Saya tidak merasakan adanya hubungkait antara bahasa Arab dan hafaz al-Quran	1.35	.629	Rendah
6	Saya tidak merasakan kepentingan untuk mempelajari bahasa Arab.	1.40	.608	Rendah
7	Apabila saya menghafaz al- Quran, secara tidak langsung saya dapat menguasai bahasa Arab.	3.04	.790	Tinggi
8	Saya memahami makna perkataan-perkataan (<i>mufradat</i>) al Quran yang dihafaz.	2.84	.683	Sederhana
9	Saya memahami makna ayat-ayat al Quran yang dihafaz secara umum.	2.91	.646	Sederhana
10	Saya memahami uslub-uslub Dialog(<i>Hiwar</i>) dan Cerita(<i>Qisas</i>) yang terdapat dalam al Quran.	2.72	.667	Sederhana
11	Saya memperoleh kosa kata bahasa Arab yang banyak apabila saya menghafaz al-Quran.	2.99	.694	Sederhana
12	Kosa kata yang terdapat dalam al-Quran membolehkan saya berkomunikasi dalam bahasa Arab.	2.78	.700	Sederhana
13	Ayat-ayat Dialog (<i>Uslub Hiwar</i>) dalam al Quran membolehkan saya berkomunikasi dalam bahasa Arab.	2.70	.675	Sederhana

14	Menghafaz al Quran dapat membantu saya dalam penulisan karangan bahasa Arab.	3.06	.702	Tinggi
15	Saya sentiasa membuat rujukan untuk meningkatkan mutu penguasaan bahasa Arab saya.	2.74	.677	Sederhana
Min Keseluruhan		2.5603	.33456	Sederhana

Jadual 3 menunjukkan dapatan keseluruhan kajian daripada persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab di Selangor adalah sederhana dengan nilai min keseluruhan= 2.56 dengan sisihan piawai= 0.335. Terdapat 3 item yang mendapat tahap yang tinggi iaitu item 2 (Saya berasa seronok mempelajari bahasa Arab) diikuti item 14 (Menghafaz al Quran dapat membantu saya dalam penulisan karangan bahasa Arab) dan item 7 (Apabila saya menghafaz al- Quran, secara tidak langsung saya dapat menguasai bahasa Arab) dengan masing-masing mendapat nilai (min=3.31, sp=0.651), (min=3.06, sp=0.702) dan (min=3.04, sp=0.790). Daripada 15 item yang disoal, 9 item mendapat nilai min sederhana iaitu item 1 (min=2.69, sp=0.651), item 3 (min=2.11, sp=0.856), item 8 (min=2.84, sp=0.683), item 9 (min=2.91, sp=0.646), item no 10 (min=2.72, sp=0.667), item 11 (min=2.11, sp=0.694), item 12 (min=2.78, sp=7.00), item 13 (min=2.7, sp=0.675), item 15 (min=2.74, sp=6.77). Sementara item yang mendapat tahap rendah ialah item 4 (Saya belajar bahasa Arab sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja) iaitu nilai min 1.75 dengan sisihan piawai 0.784, item 5 (Saya tidak merasakan adanya hubungkait antara bahasa Arab dan hafaz al-Quran) dengan nilai (min=1.35, sp=0.629) dan item 6 (Saya tidak merasakan kepentingan untuk mempelajari bahasa Arab) dengan (min=2.78, sp=7.00).

Di dalam jadual yang berikut, proses pembelajaran termasuk strategi pembelajaran pelajar tahfiz, aktiviti yang dijalankan oleh pensyarah dan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh pensyarah ketika mengajar di dalam kelas.

Jadual 4: Skor Min dan Sisihan Piawai Penilaian Tahap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Pelajar

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetulkan sebutan bahasa Arab saya.	3.06	.715	Tinggi
2	Saya membaca al-Quran setiap hari untuk melancarkan sebutan bahasa Arab saya.	3.14	.705	Tinggi
3	Saya membaca bahan-bahan bahasa Arab untuk hiburan. <i>Contoh: membaca buku cerita, majalah atau surat khabar Arab.</i>	2.33	.767	Sederhana
4	Saya mendengar video Arab untuk melatih kemahiran mendengar bahasa Arab saya.	2.56	.802	Sederhana
5	Mendengar bacaan ayat-ayat Al Quran daripada Qari dapat membantu dalam kemahiran mendengar bahasa Arab saya.	3.05	.750	Tinggi
6	Pensyarah menggunakan komunikasi dua hala di dalam kelas.	3.40	.637	Tinggi
7	Pensyarah selalu menghubungkan kait pembelajaran bahasa Arab dengan al – Quran.	3.36	.629	Tinggi
8	Pensyarah selalu menggunakan perkataan-perkataan (<i>mufradat</i>) dalam al Quran dalam membina ayat.	3.17	.599	Tinggi

9	Pensyarah saya menggunakan kaedah ajuk hafaz dalam pengajaran bahasa Arab (<i>Pensyarah membaca dan pelajar meniru</i>).	2.84	.789	Sederhana
10	Pensyarah saya menggunakan kaedah latih tubi dalam pengajaran bahasa Arab (<i>Pensyarah mengulang-ulang fakta atau kemahiran bahasa</i>).	3.25	.629	Tinggi
11	Pensyarah selalu membuat sesi soal jawab secara terus di dalam kelas.	3.30	.638	Tinggi
12	Pensyarah membuat perbincangan dalam mempelajari setiap topik yang terdapat di dalam modul.	3.37	.579	Tinggi
13	Pensyarah saya melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan (<i>permainan, lakonan dan nyanyian</i>).	2.90	.814	Sederhana
14	Pensyarah saya memberi ruang aktiviti berkumpul semasa mempelajari bahasa Arab dengan pemantauan.	3.10	.735	Tinggi
15	Pensyarah menggunakan modul / buku teks ketika mengajar di dalam kelas.	3.47	.541	Tinggi
16	Pensyarah menggunakan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.	2.60	.850	Sederhana
Min Keseluruhan		3.05	.418	Tinggi

Jadual 4 mendapati bahawa setiap nilai min tahap penilaian tahap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pelajar bagi setiap item berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min paling tinggi dicapai pada item 15 (Pensyarah menggunakan modul / buku teks ketika mengajar di dalam kelas) iaitu dengan nilai min = 3.47 dengan sisihan piawai 0.541. Seterusnya diikuti dengan item 1 (Pensyarah membuat perbincangan dalam mempelajari setiap topik yang terdapat di dalam modul) iaitu dengan nilai min = 3.37 dengan sisihan piawai = 0.579. Nilai min sederhana dicapai oleh item 9 (Pensyarah saya menggunakan kaedah ajuk hafaz dalam pengajaran bahasa Arab (*Pensyarah membaca dan pelajar meniru*) dengan nilai min = 2.84 dengan sisihan piawai = 0.789. Nilai min paling rendah dicapai oleh item 3 (Saya membaca bahan-bahan bahasa Arab untuk hiburan) dengan nilai min = 2.33 dengan sisihan piawai = 0.767. Secara keseluruhannya, tahap penilaian tahap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bagi pelajar tahfiz terhadap pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 3.05 dengan sisihan piawai = 0.418.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian mendapati min keseluruhan bagi tahap persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab di Selangor adalah sederhana dengan mencatatkan nilai min= 2.56 dengan sisihan piawai= 0.335. begitu, pelajar dilihat seronok mempelajari bahasa Arab. Ini dapat dilihat pada item no 2 dengan mencatat nilai min tertinggi min=3.31 dengan sisihan piawai= 0.651. Keseronokan mereka dalam pembelajaran bahasa Arab ini mungkin didorong oleh beberapa faktor antaranya berkemungkinan dipengaruhi oleh motivasi dalaman yang tinggi untuk mempelajari bahasa Arab dengan bersungguh-sungguh. Hal ini disokong oleh kajian-kajian lepas yang berkaitan menunjukkan bahawa motivasi pelajar merupakan salah satu pemboleh ubah yang dapat mempengaruhi tahap pencapaian pelajar, kerana motivasi dapat

mempengaruhi apa, mana dan bagaimana kita belajar. Motivasi bukan sahaja mempengaruhi hasil tetapi apa yang dilakukan dan dipelajari juga mempengaruhi motivasi selanjutnya. Berdasarkan kajian Mohd Fadzli Ismail (2012) mengenai antara faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam p&p bahasa Arab selain faktor guru, pelajar dan buku teks, wujudnya peranan faktor lain dalam menentukan pencapaian akademik pelajar seperti faktor motivasi dan gaya pembelajaran.

Selain itu, item yang mendapat nilai min yang tinggi iaitu item no 7 yang menyatakan bahawa persepsi pelajar terhadap adanya hubungkait antara hafazan al-Quran dengan bahasa Arab; yakni dengan menghafaz al-Quran secara tidak langsung mereka akan dapat menguasai bahasa Arab. Pernyataan ini disokong oleh kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana dari Indonesia yang membuktikan bahawa terdapat kolerasi dan pengaruh positif antara hafalan al-Quran dan prestasi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar. (Mahmudah 2016, Mazidatul Ilmia 2016, Muslikhatun 2016, Husna Rosidah 2015, Umi Khusnul Khotimah 2014).

Bagi item yang mendapat nilai min yang rendah, iaitu item 4 (Saya belajar bahasa Arab sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja), item 5 (Saya tidak merasakan adanya hubungkait antara bahasa Arab dan hafaz al-Quran) dan item 6 (Saya tidak merasakan kepentingan untuk mempelajari bahasa Arab), pada hakikatnya adalah merupakan perkara yang positif. Ini bermakna pelajar mempelajari bahasa Arab dengan objektif yang betul dan bukan semata-mata untuk lulus dalam kursus yang mereka ambil. Mempelajari dan memahami bahasa Arab adalah sangat penting terutamanya bagi para hafiz al-Quran. Menurut Noza Aflisia 2016, beliau menegaskan bahawa seorang hafiz al-Quran sangat memerlukan bahasa Arab untuk terus menghafal dan menjaga hafalannya, kerana dengan memiliki kemampuan berbahasa Arab seorang hafiz akan mengingat hafalannya melalui kisah atau tema ayat yang sedang dihafal. Bahasa Arab juga akan memudahkannya dalam menghafal ayat Al-Qur'an, kerana dengan memahami makna dari ayat Al-Qur'an akan mempermudah penghafal untuk menerapkannya dalam kehidupan sehariannya. Seterusnya dengan memahami bahasa Arab, seseorang tidak akan tersesat di dalam bacaannya.

Namun yang demikian, dapatan kajian menunjukkan bahawa kelebihan pelajar yang telah menghafaz ayat-ayat al-Quran untuk memahami kosa kata Arab serta uslub-uslub Arab; samada uslub Hiwar dan Qisas yang terdapat dalam al-Quran adalah sederhana. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Azmil Hashim & Abd Halim Tamuri (2012) yang menunjukkan pelajar kurang berusaha dalam mencari makna kalimah dan maksud ayat. Antara faktornya adalah pensyarah kurang memberi penekanan terhadap maksud kalimah dan makna ayat yang dihafaz sedangkan kaedah kefahaman merupakan kaedah yang membantu dalam mengukuhkan hafazan dan dapat menambah kekhusyukan dalam menghafaz al-Quran. Walaupun kajian telah menyatakan bahawa melalui hafazan al-Quran, pelajar dapat menguasai kosa kata Arab dengan baik, (Siti Nurshiamul Kamilah 2014), namun kemampuan pelajar untuk mengaplikasikannya dan menggunakannya dalam kemahiran berbahasa Arab khususnya kemahiran berkomunikasi adalah sederhana.

Dapatan kajian bagi objektif kedua kajian mendapati bahawa setiap nilai min tahap penilaian tahap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pelajar bagi setiap item berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min paling tinggi dicapai pada item 15 (Pensyarah menggunakan modul / buku teks ketika mengajar di dalam kelas) iaitu dengan nilai min = 3.47 dengan sisihan piawai 0.541. Ini menunjukkan bahawa penggunaan modul yang bersesuaian dan efektif membantu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab lebih baik. Di samping peranan guru dalam memastikan bahawa modul yang disediakan itu menepati objektif pembelajaran yang telah dirancang. Hasil dapatan ini disokong dengan kajian oleh Khairatul Akmar, Ahmad Redzaudin & Mohd Rofian, 2015, yang menyatakan bahawa guru memainkan peranan bagi memastikan bahawa modul pembelajaran yang dirancang menepati

dengan objektif pembelajaran para pelajar. Ini akan memberi kesan dan sumbangan yang besar terhadap kemajuan dan kejayaan para pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya nilai item yang mencapai tahap tinggi adalah item 6 (Pensyarah menggunakan komunikasi dua hala di dalam kelas), item 7 (Pensyarah selalu menghubungkan kait pembelajaran bahasa Arab dengan al – Quran), item 8 (Pensyarah selalu menggunakan perkataan-perkataan (mufradat) dalam al Quran dalam membina ayat), item 10 (Pensyarah saya menggunakan kaedah latih tubi dalam pengajaran bahasa Arab (Pensyarah mengulang-ulang fakta atau kemahiran bahasa), item 11 (Pensyarah selalu membuat sesi soal jawab secara terus di dalam kelas), item 12 (Pensyarah membuat perbincangan dalam mempelajari setiap topik yang terdapat di dalam modul), item 14 (Pensyarah saya memberi ruang aktiviti berkumpulan semasa mempelajari bahasa Arab dengan pemantauan) dan item 15 (Pensyarah menggunakan modul / buku teks ketika mengajar di dalam kelas). Berdasarkan dapatan nilai min ini, menunjukkan bahawa terdapat respons positif dalam kalangan pelajar yang menunjukkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pensyarah memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sepertimana kajian oleh Lutfi, 2010 bahawa pensyarah adalah antara elemen utama dalam mempengaruhi minat pelajar dalam penguasaan bahasa Arab dan pelajar sangat memerlukan kreativiti pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. kenyataan ini turut disokong oleh Mohd Ismail, Kamarul Azmi, Azhar & Rahmah, 2012 yang menyatakan bahawa kepakaran guru amat diperlukan dalam menentukan strategi P&P terutamanya dalam pembelajaran Bahasa Arab. Guru berperanan menentukan pendekatan, memilih model atau kaedah dan menetapkan teknik-teknik tertentu yang sesuai dengan perkembangan dan kebolehan pelajar.

Seterusnya item 16 (Pensyarah menggunakan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab) dengan nilai min = 2.60 dengan sisihan piawaian = .850 yang berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa pensyarah tidak menggunakan bahan bantu mengajar yang efektif di dalam bilik kuliah. Media elektronik merupakan bahan bantu mengajar yang mesti digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada hari ini. Cara pengajaran lama yang berpandukan buku teks dan papan putih sahaja sudah tidak relevan dan efektif kepada pelajar.

Di antara kelemahan pengajaran dan pembelajaran adalah penggunaan bahan bantu mengajar yang tidak efektif di kalangan guru. (Rosni Samah, 2012, Maimun, Zaffi & Hanis Najwa, 2014). Tambahan lagi guru merupakan individu yang paling berpengaruh dalam meningkatkan pencapaian pelajar. (Mohammad Abdillah Samsuiman, Zamri Arifin & Miss Asma Benjaman, 2014, Siti Maria Ibrahim & Zamri Ariffin, 2016).Pensyarah seharusnya menggunakan peluang dan ruang yang seluasnya dengan menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia. Kajian oleh Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010 dan Norshida Hashim, 2012, menyatakan bahawa bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran terbukti membantu meningkatkan minat pelajar. Namun kejayaan dalam keberkesanannya sangat bergantung kepada kemahiran dan sikap guru itu sendiri dalam usahanya meningkatkan kecekapan dalam pengajaran berasaskan teknologi multimedia ini.

Begitu juga pada item 13 (Pensyarah saya melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan (*permainan, lakonan dan nyanyian*) berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 2.90 dengan sisihan piawaian = .814. Dapatan ini menunjukkan bahawa pensyarah juga kurang menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Proses Pembelajaran dan Pengajaran bahasa Arab amat memerlukan kreativiti guru terutamanya subjek bahasa Arab yang dianggap sebagai salah satu subjek yang agak susah. Penyataan ini disokong oleh kajian Nazri Atoh Saipolbarin bin Hj. Ramli & Mohd. Zawawi Ag Hamat, 2014 yang menyatakan bahawa bahasa Arab dianggap salah satu daripada mata pelajaran susah bagi sebahagian pelajar bahkan juga guru, maka guru bahasa Arab hendaklah menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan bagi

menarik minat pelajar. Kajian mereka turut memberikan beberapa pendekatan dalam pengajaran bahasa Arab, antaranya menggunakan pendekatan permainan dalam pengajaran, seperti bermain teka silang kata, *sahibba* dan sebagainya untuk memudahkan pelajar mengingat kaedah sintaksis atau morfologi sesuatu perkataan. Selain daripada itu, kaedah nyanyian juga boleh digunakan oleh guru bahasa Arab untuk memudahkan pelajar menghafal kaedah tasrif sesuatu perkataan dengan mudah.

Di samping itu, pendekatan pengajaran menggunakan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab juga merupakan satu inovasi baru dalam mewujudkan suasana yang mampu mempengaruhi minat pelajar. Ini berdasarkan hasil kajian oleh Norhayati, Shaferul Hafes & Mohd Fauzi, 2013 yang mendapati bahawa animasi sesuai dipraktikkan sebagai bahan bantu mengajar bahasa Arab dan mampu menarik minat pelajar untuk menguasainya.

Nilai min paling rendah dicapai oleh item 3 (Saya membaca bahan-bahan bahasa Arab untuk hiburan) dengan nilai min = 2.33 dengan sisihan piawai = 0.767 dan diikuti oleh item 4 (Saya mendengar video Arab untuk melatih kemahiran mendengar bahasa Arab saya) dengan nilai min = 2.56 dengan sisihan piawai = .802. Kedua-dua item ini menunjukkan bahawa pelajar kurang mempraktikkan bahasa Arab apabila berada di luar bilik kuliah dan kurang berusaha memperbaiki kemahiran berbahasa Arab sama ada dengan mendengar, menonton atau membaca bahan-bahan berbahasa Arab. Ini juga berkemungkinan disebabkan kurangnya pendedahan dari para pensyarah dengan pendekatan pengajaran yang lebih pelbagai, yang menyebabkan berlakunya proses pengajaran yang hanya berpusat kepada pensyarah dan tidak berlakunya komunikasi dua hala. Ini disokong oleh kajian Rosni Samah, 2012 yang menyatakan bahawa di antara kelemahan pengajaran dan pembelajaran adalah proses pengajaran banyak berpusat kepada guru, alat bantu mengajar tidak mencukupi, kurangnya aktiviti dan latihan yang dijalankan di dalam kelas. Ini juga disokong dengan kajian oleh Mohd Shahrizal, Muhammad Sabri & Mohd Firdaus (2015) yang mendapati bahawa pendekatan pembelajaran yang berbentuk inovasi dan terkini menjadi antara faktor peningkatan minat yang tinggi dalam kalangan pendengar untuk mempelajari bahasa Arab.


Sedia maklum bahawa alat bantu mengajar berbentuk teknologi media menjadi semakin meluas dalam pelbagai institusi pendidikan. Video merupakan salah satu daripada alat bantu mengajar yang paling efektif bagi meningkatkan tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Ini kerana, video merupakan alat yang menggabungkan antara visual dan audio dan sangat membantu dalam kemahiran mendengar pelajar. Ini kerana, menurut Rahil & Harun, 2016, pelajar yang menguasai kemahiran mendengar dengan baik, mampu membantu menguasai tiga kemahiran yang lain. Antara aplikasi video yang rancak penggunaannya ialah YouTube. Pembelajaran Bahasa Arab melalui aplikasi YouTube melibatkan secara langsung kemahiran mendengar terhadap bahasa melalui penggunaan video.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Persepsi pelajar tahfiz terhadap pembelajaran bahasa Arab adalah sederhana. Sementara, penilaian proses pembelajaran dan pengajaran yang dilalui oleh pelajar tahfiz berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar tahfiz perlu dipertingkatkan dan ditambahbaik. Antara komponen yang perlu ditambah baik ialah pada strategi pembelajaran pelajar tahfiz, teknik pengajaran pensyarah dan aktiviti P&P di dalam dan di luar kelas. Para pelajar perlu memainkan peranan mereka dalam mempelajari bahasa Arab hal ini kerana mereka mempunyai satu kelebihan iaitu menghafaz ayat – ayat Al-Quran dan ayat – ayat Al-Quran tersebut dalam bahasa Arab. Para guru yang mengajar pelajar tahfiz perlu mengajar pengaplikasian ayat-ayat Al-Quran yang dihafaz dalam menguasai kemahiran berbahasa Arab. Selain itu, guru juga perlu mempelbagaikan teknik mengajar dengan menggunakan mufradat Al-Quran dalam kemahiran bertutur.


Di bawah, kajian mencadangkan teknik pengajaran yang boleh diaplikasi oleh pelajar dan guru bahasa Arab yang mengajar pelajar Tahfiz wal Qiraat.

Rajah 1: Contoh pembelajaran bersepadu hafazan ayat dan ilmu bahasa Arab.



Perbincangan hanya untuk satu perkataan iaitu (futihat). Perkataan tersebut dianalisis secara kritis dalam ilmu bahasa Arab.

Rajah 2: Cadangan teknik 3H1P dalam pembelajaran bahasa Arab bersepadu hafazan al-Quran.



Teknik 3H1P ialah teknik menghafaz ayat kemudian menghuraikan segala ilmu di dalamnya. Seterusnya menghayati semua maklumat dan menghidupkan bahasa dan ilmu bahasa melalui praktis dan penggunaan dalam kehidupan.

Seterusnya, guru bahasa Arab perlu menjadi fasilitator kepada pelajar cara menggunakan ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz dalam menguasai kemahiran berbahasa Arab khususnya kemahiran bertutur. Gandingan usaha antara semua pihak di samping faktor-faktor lain seperti persekitaran, modul bahasa Arab khusus untuk pelajar tahfiz diharap dapat membantu meningkatkan prestasi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan para hafiz di Selangor khususnya dan Malaysia amnya. Justeru, kajian lanjutan berkaitan pedagogi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk pelajar tahfiz al-Quran wal- Qiraat perlu dijalankan.

RUJUKAN

- Abdull Sukor Shaari. (2008). Keadilan Penilaian Prestasi dalam Kalangan Guru dan Hubungannya dengan Motivasi Kerja dan Prestasi Akademik Sekolah. *IJMS 15*.
- Adnan Mat Ali, Muhammad Firdaus Abdul Manaf . Kekangan Bertutur Dalam Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar BASL. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) Kuala Lumpur. 17-18 November 2014.
- Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin. (2012). Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Literatur Di Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012(PKEBAR'12)* disunting oleh: MohdShukari Hamzah, Khazri Osman, MoktarHussain, SuhailaZailani @ Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, HakimZainal, &Zainuddin Ismail. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi . ISBN 978-967- 5478-49-9.
- Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri. Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *Journal Of Islamic And Arabic Education 4(2), 2012 1-10*.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali. Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan *Education January 2013, Vol. 1 Issue 1, 28-39*.Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *O-jIEThe Online Journal of Islamic*
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh. Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah, Vol 1(1) 2014 : 9-16 (e-ISSN : 2289-6171)*.
- Husna Rosidah, 2015. *Pengaruh Kemampuan Menghafal al-Quran Terhadap Prestasi Belajar Bahasa Arab Siswa TAHfiz MTs. YAPI PAKEM SLEMAN Yogyakarta Ditinjau dari Perspektif Teori Behavioris*. Tesis Sarjana. Program Studi Pendidikan Bahasa Arab, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohd Rofian Ismail & Md Noor Hussin. (2014). Pengaruh Faktor Dalaman Terhadap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) Mengikut Pandangan Para Pensyarah Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization **iCasic** 2014. (e-ISBN 978-967-11768-4-9), 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA. Organized by WorldConferences.net.
- Krejeceie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining samples size for research activities. *Educational and Psychological Measurement 30(3): 607 - 610*.
- Ku Fatahiyah, Hanis Najwa, Farah Nur-Rashida, Wazzainab & Norafidah. (2017). Persepsi Pelajar Tahfidz dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Lutfi. (2010). Persepsi Terhadap Gaya Mengajar Guru Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Madrasah Diniyah Nurul Ummah Kota Gede Yogyakarta. Disertasi Sarjana Strata Satu Pendidikan Islam. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- M. Ilham Muchtar. (2015). Penerapan Metode Al-‘Arabiyyah Bayna Yadaik Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Ma’had Al-Birr Makassar. *Hunafa:Jurnal StudiaIslamika. Vol. 12, No. 1, Juni 2015: 121-140*.
- Mahmudah. 2016. Analisis Pengaruh Hafalan al-Quran Terhadap Prestasi Belajar Sisiwa di MA Al-Amiriyyah Blokagung Banyuwangi. *Junal Pendidikan, Komunikasi dan Hukum Islam. Vol VIII. No 1. 67-81. ISSN 1978-4767*.
- Mazidatul Ilmia. 2016. *Hubungan Antara Hafalan Al-Quran dan Prestasi Belajar Siswa Kelas IV Sekolah Dasar Islam As-Salam Malang*. Tesis Sarjana. Program Studi Pendidikan

- Guru Madrasah Ibtidaiyyah, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shaharuddin. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(1) (2014): 51-61.
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Zamri Arifin & Miss Asma Benjaman. (2014). Hubungan Antara Kualiti Guru Bahasa Arab Dan Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab. *Jurnal kemanusiaan. Bil. 22(2014). ISSN: 1675-1930. Universiti Teknologi Malaysia*
- Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad & Rahmah Yahya (2012). Model Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab in Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]. (*International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012]*) at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 867-878. ISBN 99917-44-89-4.
- Mohd Fadzli Ismail & Mohd Sukki Othman.2012. Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran & pembelajaran bahasa Arab: Satu tinjauan di SMAP Kajang. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir & Mohd Firdaus Yahaya. (2015). Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*: Analisis Awal Pendengar. *Jurnal Sains HUMANIKA* 4:1 (2015), 83-90.
- Mohd Zulkifli Muda, Harun Baharudin, Siti Fatimah Salleh. (2015). Kaedah Penguasaan Mufradat Bahasa Arab Melalui Ayat Lazim Berasaskan Hafazan Al-Quran: Tinjauan Awal. SQ 2015 eProceedings International Seminar on al-Quran in Contemporary Society 10 – 11 October 2015. Faculty of Islamic Contemporary Studies, UniSZA
- Moh. MaksyufunNuha.2015. Tesis Sarjana. *Studi Korelasi Antara Penguasaan Pelajaran Bahasa Arab Dengan Kemampuan Membaca Al-Qur'an Siswa Mi MatholiunnajahSinanggulKec. MlonggoKab. Jepara Tahun Pelajaran 2014/2015.*
- Muslikhatun. 2016. *Pengaruh Konsentrasi Menghafal al-Quran Terhadap Prestasi Belajar Bahasa Arab Di MTs Darul Ulum Muhammadiyah GALur Kulonprogo Yogyakarta .* Tesis Sarjana. Program Studi Pendidikan Bahasa Arab, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Nazri Atoh, Saipol barin Ramli & Mohd. Zawawi Ag Hamat. (2014). Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan Awal. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. disunting oleh: Zamri Arifin, Maheram Ahmad, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Lazim Omar, Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, Khazri Osman, Al Muslim Mustapa & Mohd Shahrizal Nasir. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UNISZA. ISBN 978-967-5478-78-9.
- Norhayati Che Hata, Shaferul Hafes Sha'aria, Mohd Fauzi Abdul Hamida. (2013). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Animasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab. Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia. *Jurnal Teknologi.* 63:1 (2013) 25–29 | www.jurnalteknologi.utm.my | eISSN 2180–3722 | ISSN 0127–9696.
- Noza Aflisia. 2016. Urgensi Bahasa Arab Bagi Hafizh al-Quran. Fokus: Jurnal Kajian Keislaman dan Kemasyarakatan. Vol 1, Bil 01.
- Norshida Hashim. (2012). *Keberkesanan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pembelajaran Bahasa Arab j-QAF.* Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- Rahil Mohd Ghazali & Harun Baharudin. (2016). Penggunaan Aplikasi YouTube Dalam Kemahiran mendengar Bahasa Arab Pelajar. Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016, 21-22 Mei 2016, Auditorium Fakulti Pendidikan, UM.
- Rosni Samah. (2012). Isu Pembelajaran Bahasa Arab. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Disunting Oleh: Mohd Shukari Hamzah, Khazri Osman, Moktar Hussain, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Hakim Zainal & Zainuddin Ismail. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. ISBN 978-967- 5478-49-9.
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online™ Journal of Language Studies, Volume 12(2), May 2012 ISSN: 1675-8021*.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia Dalam Pengajaran j-QAF. *Journal Of Islamic And Arabic Education 2(2)*, 2010. Hlmn 53-64.
- Siti Nurshiamul Kamilah. 2014. *Pengaruh Hafalan al-Quran Juz 1-4 Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Siswa Kelas VIII di Asrama Takhasus Puteri Madrasah Tsanawiyah Wahid Hasyim Yogyakarta*. Tesis Sarjana. Program Studi Pendidikan Bahasa Arab, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Siti Sofiah. 2013. *Studi Korelasi Antara Penguasaan Mufradat dengan Kemampuan Membaca Al-Quran di Pondok Pesantren Tahaffudzul Qur'an Purwoyoso Ngaliyan Semarang*. Tesis Sarjana. Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Kependidikan IAIN Walisongo Semarang.
- Umi Khusnul Khotimah. 2014. *Kolerasi Antar Hafalan al-Quran dan Prestasi Belajar Bahasa Arab Siswa MTs. Negeri Gubukrubuh Gunung Kidul Tahun Ajaran 2013/2014*. Tesis Sarjana. Program Studi Pendidikan Bahasa Arab, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah. (2014). Metode Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Empat Kemahiran. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. (peny.) Zamri Arifin, Maheram Ahmad, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Lazim Omar, Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, Khazri Osman, Al Muslim Mustapa & Mohd Shahrizal Nasir. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA. ISBN 978-967-5478-78-9.

MAKLUMAT PENULIS

KU FATAHIYAH BINTI KU AZIZAN

Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
kufatihyah@kuis.edu.my

HANIS NAJWA BINTI SHAHARUDDIN

Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
hanisnajwa@kuis.edu.my

FARAH NUR RASHIDA BINTI ROSNAN

Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
farahnurrashida@kuis.edu.my

WAZZAINAB ISMAIL

Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
wazzainab@kuis.edu.my